

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN SKIM PINJAMAN KENDERAAN  
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM AM PERSEKUTUAN, PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DAN PEGAWAI  
PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS  
PEKELILING WP 9.2  
(SELEPAS KELULUSAN)**

BIL	SENARAI DOKUMEN (SILA TANDAkan √ PADA RUANGAN SEMAKAN)		SEMAKAN PEMOHON		SEMAKAN BKEW	
			YA	TIDAK	YA	TIDAK
1	PERJANJIAN PINJAMAN KENDERAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA WP 9.2 (LAMPIRAN B)					
	1.1 <b>BAGI SALINAN ASAL</b> : DIMATIKAN SETEM MENGIKUT NILAIAN DUTI SETEM SELARAS DENGAN AKTA SETEM 1949	1 SALINAN ASAL				
	1.2 <b>BAGI SALINAN</b> : RM 10	4 SALINAN ASAL				
2	BORANG AKUAN PEMINJAM (LAMPIRAN E - SPK 5/94)	1 SALINAN				
3	SALINAN PENYATA BANK	1 SALINAN				
4	SURAT DARIPADA SYARIKAT PEMBEKAL YANG MENYATAKAN KENDERAAN TERSEBUT DIJANGKA DAPAT DIBEKALKAN	1 SALINAN ASAL				
5	BORANG PERUBAHAN GAJI (SG20)	1 SALINAN ASAL				
6	SLIP GAJI DUA (2) BULAN TERKINI (DISAHKAN)	2 SALINAN				

TARIKH TERIMA PERMOHONAN :

TARIKH KUIRI :

---



---



---



---



---

**1.0**

**PERJANJIAN PINJAMAN  
KENDERAAN PEKELILING  
PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**WP 9.2**

**LAMPIRAN B**

**-5 SALINAN-**

**LAMPIRAN B**

(Kew. 295—Pin. 1/93)

**PERJANJIAN PINJAMAN UNTUK MEMBELI  
KERETA/MOTOSIKAL/MOTOBOT/ENJIN MOTOBOT/BOT/BASIKAL  
BAGI PEGAWAI KERAJAAN**

*(Diisi sebanyak 5 salinan)*

PERJANJIAN dibuat pada .....haribulan .....tahun .....  
di antara ..... No. Kad Pengenalan .....  
(kemudian daripada ini disebut "Peminjam" sebagai Pihak Pertama dengan KERAJAAN MALAYSIA (kemudian  
daripada ini disebut "Kerajaan" sebagai Pihak Kedua).

BAHAWASANYA, menurut Arahan dan WP 9.2 yang berkuat kuasa, pinjaman untuk membeli terus sebuah kereta/motosikal/enjin motobot/motobot/bot/basikal adalah diberi kepada Pihak Pertama mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Arahan dan WP 9.2 tersebut.

OLEH YANG DEMIKIAN adalah dipersetujui seperti berikut:

1. Seperti yang dimohon oleh Peminjam, Kerajaan bersetuju meluluskan kepada Peminjam, pinjaman sebanyak RM..... untuk dibayar balik kesemua wang yang dipinjam di dalam tempoh..... bulan. Pinjaman ini adalah untuk membeli sebuah kenderaan sebagaimana yang diluluskan dalam Borang Permohonan Pinjaman Kenderaan (Kew. 294—Pindaan 1/93) yang berkenaan.
2. Pinjaman ini dikenakan bayaran perkhidmatan seperti yang ditetapkan di dalam Arahan dan WP 9.2 yang berkuat kuasa.
3. Peminjam dengan ini bersetuju:
  - (i) Mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang terkandung di dalam WP 9.2, Arahan-Arahan dan peraturan lain yang berkuat kuasa;
  - (ii) Tidak akan menjual atau melepaskan dengan apa-apa cara jua kenderaan yang tersebut di atas sehingga kesemua jumlah wang yang dipinjam itu serta bayaran perkhidmatan dibayar balik melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Kerajaan;
  - (iii) Menjelaskan semua baki pinjaman sebelum menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan;
  - (iv) Mengambil polisi insurans komprehensif bagi selama tempoh pinjaman belum diselesaikan sepenuhnya. Polisi insurans komprehensif hendaklah meliputi semua jenis kemalangan, kecurian, kebakaran dan bahaya Pihak Ketiga (tidak terhad). Jumlah perlindungan insurans itu hendaklah tidak kurang daripada baki pinjaman yang masih ada;
  - (v) Sekiranya potongan ansuran tidak dilakukan daripada gaji bulanan Peminjam walau dengan apa sebab pun, Peminjam hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sendiri kepada Kerajaan sehingga potongan ansuran dilakukan. Bayaran perkhidmatan 10% setahun akan dikenakan ke atas ansuran yang tidak dijelaskan;
  - (vi) Jika Peminjam menamatkan perkhidmatannya dengan Kerajaan atau ditamatkan oleh Kerajaan sebelum pinjaman dijelaskan, Peminjam hendaklah membayar sekali gus semua baki pinjaman dengan dikenakan bayaran perkhidmatan 10% setahun atas baki pinjaman. Jika Peminjam tidak

dapat berbuat demikian, Kerajaan berhak melelong kenderaan berkenaan untuk menjelaskan jumlah baki pinjaman kenderaan dengan bayaran perkhidmatan 10% serta kos yang terlibat dan jika masih tidak mencukupi, baki wang Kerajaan tersebut akan dipungut melalui tindakan mahkamah;

- (vii) Jika Peminjam meninggal dunia, baki pinjaman hendaklah diselesaikan oleh waris (tidak termasuk bayaran perkhidmatan) secara sekali gus. Jika si waris Peminjam tidak dapat berbuat demikian, Kerajaan berhak melelong kenderaan berkenaan untuk menjelaskan jumlah baki pinjaman kenderaan dengan bayaran perkhidmatan 4% serta kos yang terlibat dan jika masih tidak mencukupi, baki wang Kerajaan tersebut akan dipungut daripada si waris melalui tindakan mahkamah atau daripada Penjamin-Penjamin berkenaan;
- (viii) Jika Peminjam gagal menjelaskan pinjamannya di dalam tempoh (3) bulan sebagaimana yang dituntut di perenggan 3 (vi) dan 3 (vii), maka adalah menjadi tanggungjawab Peminjam atau waris Peminjam berkenaan untuk menyerahkan milikan kenderaan itu kepada Kerajaan. Jika gagal, Kerajaan berhak mengambil tindakan selanjutnya di bawah Seksyen 11 dan 13, Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau peruntukan Undang-Undang lain yang berkaitan.

4. Kerajaan berhak menarik balik pinjaman kenderaan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan menuntut bayaran balik baki pinjaman dengan sekaligus.
5. Kerajaan berhak ke atas kenderaan yang diberi pinjaman kecuali motobot/bot/basikal di bawah Seksyen 11 (3) Akta Pengangkutan Jalan 1987.
6. Peminjam ialah orang yang akan didaftarkan sebagai Pembeli kenderaan.
7. Pinjaman yang diluluskan tidak boleh digunakan selain daripada maksud di para 1. Jika kenderaan digunakan untuk tujuan maksud yang lain, pinjaman ini adalah terbatal dan bayaran perkhidmatan 10% setahun akan dikenakan ke atas jumlah pinjaman mulai dari tarikh kelulusan pinjaman dan dikutip secara sekaligus. Peminjam berkenaan juga boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Perintah Am Bab "D". Kerajaan juga berhak memotong semua baki pinjaman kenderaan yang diluluskan dengan bayaran perkhidmatan 10% setahun daripada gaji bulanan Peminjam tersebut.

DITANDATANGANI OLEH:

PEMINJAM	di hadapan	SAKSI
..... Tandatangan		..... Tandatangan
Nama Penuh .....		Nama Penuh .....
.....		.....
Nombor Kad Pengenalan .....		Nombor Kad Pengenalan .....
Jawatan .....		Jawatan .....
Alamat Penuh Tempat Kerja .....		Alamat Penuh Tempat Kerja .....
.....		.....
.....		.....

DITANDATANGANI OLEH:

KERAJAAN  
(Sebagai pihak Kerajaan sebagaimana  
yang tersebut di atas)

di  
hadapan

SAKSI

.....  
Tandatangan  
Nama Penuh .....  
.....  
Nombor Kad Pengenalan .....  
Jawatan .....  
Alamat Penuh Tempat Kerja .....  
.....

.....  
Tandatangan  
Nama Penuh .....  
.....  
Nombor Kad Pengenalan .....  
Jawatan .....  
Alamat Penuh Tempat Kerja .....  
.....

**JAMINAN**

Sebagai balasan kepada Kerajaan kerana bersetuju meminjamkan kepada .....  
..... (Peminjam) wang sebanyak RM .....  
(Ringgit Malaysia.....)

Dengan faedah mengikut syarat-syarat Perjanjian bertarikh ..... yang dibuat di antara  
Kerajaan Malaysia yang tersebut sebagai satu pihak dengan .....  
..... (Peminjam) yang tersebut.

Kami yang bertandatangan di bawah ini bagi diri kami, waris-waris, wasi-wasi dan penerima-penerima serahak  
kami, dengan ini bersama-sama dan masing-masing menjamin bahawa jumlah wang tersebut sebanyak RM  
..... serta faedahnya akan dibayar balik oleh .....  
(Peminjam) yang tersebut mengikut syarat-syarat perjanjian tersebut.

Sekiranya jumlah ini gagal dibayar oleh Peminjam, kami bertanggungjawab dan berkewajipan membuat  
pembayaran bagi pihak Peminjam apabila dituntut oleh Kerajaan. Kami mengakui bahawa Kerajaan berhak  
membuat tuntutan ke atas kami dan kami bersedia menggantikan rugi dan membayar balik jumlah atau baki pinjaman  
yang masih belum dibayar oleh Peminjam berserta dengan kadar faedah dan kos kepada Kerajaan.

**PENJAMIN-PENJAMIN**

PENJAMIN NO. 1

SAKSI NO. 1

.....  
Tandatangan  
Nama Penuh .....  
.....  
Nombor Kad Pengenalan .....  
Jawatan .....  
Alamat Penuh Tempat Kerja .....  
.....

.....  
Tandatangan  
Nama Penuh .....  
.....  
Nombor Kad Pengenalan .....  
Jawatan .....  
Alamat Penuh Tempat Kerja .....  
.....

PENJAMIN NO. 2

SAKSI NO. 2

.....

Tandatangan

.....

Tandatangan

Nama Penuh .....

.....

Nombor Kad Pengenalan .....

Jawatan .....

Alamat Penuh Tempat Kerja .....

.....

Nama Penuh .....

.....

Nombor Kad Pengenalan .....

Jawatan .....

Alamat Penuh Tempat Kerja .....

.....

---

\*Borang ini menggantikan Borang Kew. 295 Pindaan 1/90

PNMB.,K.L.

**2.0**

**BORANG AKUAN PEMINJAM  
(LAMPIRAN E : SPK 5/94)**

**-1 SALINAN-**

**BORANG AKUAN PEMINJAM**

Saya \_\_\_\_\_

No. K/P: \_\_\_\_\_ mengaku bahawa \*kereta/ \*motosikal/  
\*basikal/\*motobot yang dimaksudkan di dalam borang permohonan pinjaman  
kenderaan tidak didaftar atas nama saya sebelum pinjaman kenderaan saya  
diluluskan. Saya sedar bahawa perenggan 13.2 di dalam Pekeliling Perbendaharaan  
Bil. 7/1993 tidak membenarkan kenderaan didaftar atas nama peminjam sebelum  
pinjaman diluluskan. Saya juga sedar bahawa kelulusan pinjaman kenderaan saya  
akan ditarik balik sekiranya kenyataan di atas tidak benar.

T/Tangan Pemohon : \_\_\_\_\_

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Saya sahkan bahawa keterangan-keterangan di atas adalah benar.

T/Tangan Ketua Jabatan : \_\_\_\_\_

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Cop Jabatan : \_\_\_\_\_

Catatan :

Pemohon yang telah mendaftar kenderaan sebelum tarikh surat kelulusan hendaklah  
memberitahu Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia terlebih dahulu  
dan tidaklah perlu mengisi Akuan Peminjam ini.

(\* - Potong yang mana tidak berkenaan)



**3.0**

**SALINAN PENYATA BANK**

**-1 SALINAN-**

**4.0**

**SURAT DARIPADA SYARIKAT  
PEMBEKAL YANG  
MENYATAKAN KENDERAAN  
TERSEBUT DIJANGKA DAPAT  
DIBEKALKAN**

**-1 SALINAN ASAL-**

**5.0**

**BORANG PERUBAHAN GAJI**

**(SG20)**

**-1 SALINAN ASAL-**

**6.0**

**SLIP GAJI DUA (2) BULAN  
TERKINI**

**-2 SALINAN-**